

SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQ)

1 TENTANG SELANGORTUTOR

1.1 Apa itu SelangorTutor?

Satu platform pembelajaran dalam talian yang berpandukan pembelajaran abad 21. SelangorTutor berkonsepkan latihan tubi yang berelemenkan multimedia bagi menghasilkan pembelajaran secara efektif dan mampu merangsang minda murid-murid untuk berfikir secara kreatif.

Murid-murid diberi pendedahan dengan soalan-soalan yang mengikut Standard Kurikulum terkini sama seperti apa yang dipelajari di sekolah bermula dari sekolah rendah hingga ke sekolah menengah iaitu Tahap 1(Sekolah Rendah), UPSR, PT3 dan SPM.

1.2 Mengapa SelangorTutor berbeza dengan e-Pembelajaran yang lain?

SelangorTutor berbeza dengan e-Pembelajaran yang lain kerana soalan-soalan dalam SelangorTutor melebihi 130,000++ dan mengikut Standard Kurikulum terkini seperti yang disarankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

SelangorTutor juga mempunyai kerjasama bersama dengan universiti-universiti di Malaysia seperti Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Selain itu, pihak SelangorTutor juga kerap melakukan perbincangan bersama guru-guru besar di daerah Hulu Langat mengenai sistem pembelajaran ini supaya sentiasa mengikut perkembangan pendidikan.

1.3 Bagaimana kaedah pengaksesan pembelajaran ini?

Semua soalan diberikan melalui portal SelangorTutor. Murid-murid hanya perlu log masuk di portal SelangorTutor untuk memulakan latih tubi.

SelangorTutor boleh diakses dengan menggunakan pelbagai peranti seperti:

- a) Komputer riba
- b) Telefon pintar
- c) Notebook
- d) MacBook
- e) iPad
- f) Tablet
- g) Komputer peribadi

2 SERTAI KAMI

2.1 Apakah URL untuk menyertai SelangorTutor?

<https://selangortutor.com>

2.2 “Saya mempunyai masalah untuk pengaktifan akaun, siapa yang perlu saya hubungi?”

Jika terdapat sebarang pertanyaan berkenaan kandungan digital sepanjang penggunaan SelangorTutor, boleh gunakan pautan “Question Feedback” di setiap soalan yang disediakan atau sebarang permasalahan boleh berhubung terus dengan Pegawai Customer Care SelangorTutor di talian:

Mobile No.:

010-9107 192

010-9108 158

010-9109 475

3 KANDUNGAN SOALAN

3.1 Adakah soalan-soalan di SelangorTutor mengikut format terkini pendidikan?

Ya, soalan di SelangorTutor mengikut Standard Kurikulum terkini seperti yang disarankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

SelangorTutor juga mempunyai kolaboratif bersama universiti-universiti di Malaysia seperti Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Di samping itu, SelangorTutor juga kerap menjalankan perbincangan bersama guru-guru besar di daerah Hulu Langat, Selangor untuk meningkatkan mutu sistem dan sentiasa mengikuti perkembangan pendidikan terkini.

3.2 Soalan-soalan disediakan oleh pihak siapa?

Soalan-soalan disediakan oleh guru-guru pakar, guru-guru terpilih serta guru-guru cemerlang di daerah Hulu Langat, Selangor. Setiap soalan dilengkapi dengan contoh jawapan, alasan jawapan dan cara penyelesaian matematik.

3.3 Soalan disediakan dalam bentuk apa?

Soalan disediakan dalam bentuk objektif, subjektif dan set kertas model peperiksaan.

3.4 Bagaimana jadual pembelajaran murid?

Tiada jadual yang ditetapkan. Murid-murid boleh membuat latih tubi pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja.

3.5 Adakah jumlah soalan terhad dalam sehari?

Jumlah soalan tidak terhad. Murid-murid boleh buat sebanyak mana jumlah soalan yang hendak dijawab dalam tempoh langganan.

3.6 Berapakah jumlah soalan yang diperuntukkan?

Bank soalan kami melebihi 130,000++ soalan bagi semua pakej.

Ini adalah anggaran jumlah soalan bagi setiap pakej:

- a) Pakej LPRI – melebihi 26,000++
- b) Pakej UPSR – melebihi 34,000++
- c) Pakej PT3 – melebihi 28,000++
- d) Pakej SPM – melebihi 30,000++

3.7 Adakah soalan di SelangorTutor akan ditambah?

Soalan-soalan di SelangorTutor sentiasa dikemaskini dari masa ke semasa dan akan ditambah secara berkala

4 FUNGSI SISTEM

4.1 Bagaimana cara penyemakan?

SelangorTutor mempunyai sistem penyemakan segera. Apabila Murid-murid menjawab soalan dan klik “Check Answer”, sistem akan terus membuat semakan. Kemudian, daripada semakan tersebut anak anda dapat mengenalpasti jawapan betul atau salah.

4.2 Bagaimana cara penyemakan soalan subjektif atau karangan?

Untuk soalan subjektif dan karangan, SelangorTutor menyediakan sampel jawapan bagi setiap soalan untuk rujukan murid-murid dan juga ibu bapa.

4.3 “Sekiranya murid tidak jelas atau menghadapi masalah semasa menjawab soalan, bagaimana murid hendak membuat pertanyaan?”

Setiap soalan kami berikan contoh jawapan, alasan jawapan dan cara penyelesaian matematik yang dapat membantu kefahaman murid mengenai soalan dan jawapan. Tambahan pula, boleh dijadikan bahan rujukan dan nota ringkas untuk murid-murid.

Selain itu, SelangorTutor mempunyai “Question Feedback”. Sekiranya murid mempunyai sebarang masalah dan pertanyaan semasa membuat latihan boleh klik di “Question Feedback” untuk mengajukan soalan dan pihak SelangorTutor akan mengambil tindakan dengan menyelesaikan masalah tersebut.

4.4 Bagaimana hendak memantau prestasi anak?

SelangorTutor menyediakan satu sistem pemantauan istimewa untuk ibu bapa memantau perkembangan anak-anak dalam pembelajaran. Dari sistem pemantauan ini, anda boleh memantau perkembangan dan pencapaian anak, dapat mengenal pasti topik yang perlu diberi perhatian dan sebagainya.

4.5 Apakah fungsi “Question Feedback”?

Sekiranya murid mempunyai sebarang masalah dan pertanyaan semasa membuat latihan boleh klik di “Question Feedback” untuk mengajukan soalan dan pihak SelangorTutor akan mengambil tindakan dengan menyelesaikan masalah tersebut.

5 SOALAN UMUM

5.1 “Anak saya belum mahir membaca, adakah SelangorTutor sesuai untuk anak saya?”

SelangorTutor ada menyediakan topik yang boleh membantu anak untuk mahir mengeja, iaitu di bawah topik *Mengeja* dan *Membatang Suku Kata*. Dalam masa yang sama, anda juga perlu memberi tunjuk ajar secara terperinci kepada anak anda.

5.2 “Anak saya mengikuti sukatan pelajaran SJK (C), SKJ (T) dan DLP. Adakah silibus di SelangorTutor merangkumi silibus tersebut?”

Untuk pengetahuan anda, sukatan pelajaran untuk Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil adalah lebih mudah berbanding Sekolah Kebangsaan. tetapi dari segi kemahiran dalam DSKP adalah sama.

Pelajar yang berada di bawah Program Dual Language (DLP), SJK (C) dan SKJ (T) boleh menggunakan SelangorTutor untuk belajar kerana kami menyediakan soalan mengikut tahap daripada mudah, pertengahan dan susah.

5.3 Adakah dibenarkan dua orang berkongsi satu akaun SelangorTutor?

Tidak. Kami tidak menggalakkan anak-anak berkongsi satu akaun kerana akan memberi kesan kepada graf pemantauan. Sukar bagi ibu bapa untuk melihat prestasi dan perkembangan bagi setiap anak secara terperinci.

5.4 Adakah nota disediakan?

Nota disediakan mengikut topik yang berbentuk video bagi semua subjek. Setiap soalan kami sertakan contoh jawapan, sebab jawapan dan cara penyelesaian matematik yang boleh digunakan sebagai rujukan dan nota ringkas untuk murid-murid.

5.5 Adakah pembelajaran ni memerlukan perisian atau aplikasi yang tertentu?

Tidak perlu. Pembelajaran ini hanya menggunakan web portal sahaja. Segala latih tubi akan diberikan di dalam portal SelangorTutor.